

# TAHAP PENGETAHUAN, PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) PERIBAHASA NILAI ISLAM DALAM KURSUS PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN (CTU554)

***LEVEL OF KNOWLEDGE, PERCEPTION AND ATTITUDE OF STUDENTS TOWARDS THE TEACHING AND LEARNING (T&L) OF ISLAMIC VALUES PROVERBS IN THE VALUES AND CIVILIZATION COURSE (CTU554)***

Azarudin Bin Awang<sup>1</sup>

Che Zuina Binti Ismail<sup>2</sup>

Wan Helmy Shahriman bin Wan Ahmad<sup>3</sup>

Rubiah Abu Bakar<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTMCT, (E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTMCT, (E-mail: chezu270@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTMCT, (E-mail: wanhelmy@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTMCT, (E-mail: rubiah73@uitm.edu.my)

## Article history

**Received date** : 11-3-2022

**Revised date** : 12-3-2022

**Accepted date** : 13-4-2022

**Published date** : 15-6-2022

## To cite this document:

Azarudin, Che Zuina, Wan Helmi & Rubiah (2022).

Tahap Pengetahuan, Persepsi Dan Sikap Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Peribahasa Nilai Islam Dalam Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban (CTU554). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 44 - 55.

**Abstrak:** Peranan peribahasa yang mengandungi nilai-nilai keagamaan Islam cukup besar dalam membangunkan etika dan peradaban bangsa Melayu. Namun, interpretasi terhadap maksud peribahasa yang penuh dengan makna abstrak dan penggunaannya perlulah bersesuaian dalam kalangan generasi muda. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan persepsi pelajar Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA terhadap peribahasa keagamaan Islam. Ianya turut melihat sikap pelajar terhadap pengamalan peribahasa tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kajian pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah deskriptif ini melibatkan 210 pelajar yang mengikuti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (CTU554) di UiTM Cawangan Terengganu. Data-data yang diperolehi itu dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS 26 bagi melihat min, sisihan piawai dan peratus. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran peribahasa yang mengandungi nilai keagamaan adalah tinggi manakala kebanyakkan item yang menyentuh sikap pelajar terhadap penggunaan peribahasa dalam kehidupan sehari-hari mereka adalah sederhana. Pembelajaran dan pengajaran (P&P) peribahasa Melayu yang mengandungi nilai-nilai Islam memberi implikasi yang besar dalam membangunkan jati diri pelajar, memupuk kesedaran kecintaan terhadap agama dan bangsa; dan melestarikan warisan peradaban bangsa.

**Kata Kunci:** *Pengetahuan, Persepsi, Sikap, Peribahasa Nilai Islam, Etika dan Peradaban*

**Abstract:** *The role of proverbs that contain Islamic religious values is quite great in developing the ethics and civilization of the Malay race. However, the interpretation of the meaning of the proverb is full of abstract meaning and its use must be appropriate to the context of the event, making the proverb less popular among the younger generation. Thus, this study aims to examine undergraduate students' level of knowledge and perception at the University Teknologi of MARA on Islamic religious proverbs. Further, look at the attitude of students towards the practice of the proverb in their daily lives. This descriptive study uses quantitative methods on 210 students who attended the Values and Civilization (CTU554) course at UiTM Terengganu. The data obtained were analyzed descriptively using SPSS 26 to see the mean, standard deviation and percentage. The results of the study found that the level of knowledge and perception of students on the learning of proverbs that contain religious values is high, while most of the items that affect the attitude of students in using proverbs in their daily lives are moderate. The learning and teaching (P&P) of Malay proverbs that contain Islamic values has great implications for developing the identity of students, fostering an awareness of love for religion and race; and preserving the heritage of the nation's civilization.*

**Keywords:** *Knowledge, Perception, Attitude, Islamic Proverbs Values, Ethics and Civilization*

---

### Pendahuluan

Peribahasa Melayu merupakan kebudayaan lisan warisan sejak turun-temurun yang mengungkapkan kepelbagaiannya tematik. Keindahan dan kearifan peribahasa Melayu merangkumi falsafah dan budi bahasa, tunjur ajar, petua, nilai-nilai murni dalam beragama dan budaya sesebuah masyarakat. Kedatangan Islam memberi impak yang cukup signifikan terhadap peribahasa Melayu sama ada dari aspek gaya bahasa, pengajaran dan pedoman hidup yang hendak disampaikan.

Walaupun peribahasa merupakan warisan bangsa yang diwarisi turun temurun, namun didapati penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar menjadi isu dalam pendidikan. Berkait dengan ini, Mariane et al. (2021) menyatakan penguasaan generasi baru dalam peribahasa masih tidak begitu menggalakkan. Laporan Ujian Penilaian Bahasa Melayu, SMKBM (2018) mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar menjawab soalan-soalan peribahasa adalah tidak menggalakkan dan lemah. Bahkan laporan itu juga menunjukkan seramai seramai 63 peratus pelajar tidak berjaya untuk menjawab kesemua soalan peribahasa yang diberikan (Shaline dan Alizah, 2021). Kurangnya minat untuk mempelajari dan menghayati peribahasa bukan hanya di sekolah malah pada peringkat pengajian tinggi. Bagaimanakah tahap pengetahuan dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran peribahasa yang mengandungi nilai keagamaan Islam di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Bagaimanakah sikap mereka dalam menyuburkan penggunaan peribahasa tersebut dalam kehidupan seharian? Justeru, kajian ini cuba melihat tahap pengetahuan, persepsi peribahasa yang mengandungi nilai-nilai keislaman dan implikasinya kepada pelajar di Universiti Teknologi MARA.

## Kajian Literatur

Di dalam *Kamus Dewan* (2015), peribahasa dinyatakan sebagai kelompok kata-kata atau ayat yang mempunyai susunan dan pengertian yang tertentu. Noor Syafiqah dan Suhaila (2018) menerangkan bahawa peribahasa Melayu merupakan suatu cerminan akal budi bagaimana sesebuah masyarakat menyerlahkan bakat dalam memahami nilai, budaya, tingkah laku dan sebagainya. Dalam mengungkapkan akal budi dan pemikiran, peribahasa merupakan satu instrumen yang sangat signifikan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Antara bentuk-bentuk peribahasa Melayu ialah perumpamaan, simpulan bahasa, pepatah, kata-kata hikmah dan bidalan (Shaline dan Azlizah, 2021). Berkait dengan ini Mary Fatimah dan Mohd Ridzuan (2019) melihat pengajaran dan pembelajaran (P&P) peribahasa begitu signifikan kerana ia mampu merungkaikan nilai-nilai kebijaksanaan, akal budi, falsafah masyarakat Melayu. Selain dianggap sebagai khazanah pemikiran dan falsafah bangsa Melayu, peribahasa dianggap penting kerana ia menentukan panduan, memberi iktibar, pedoman dan bahkan sebagai pengajaran dalam kalangan masyarakat (Shaline dan Alizah, 2021).

Pembelajaran peribahasa merupakan satu manifestasi rasa kecintaan terhadap bahasa dan sikap, memahami pemikiran dan tingkah laku; dan identifikasi terhadap sistem nilai warisan bangsa yang bertunjang nilai-nilai agama (Azarudin et al., 2021). Peribahasa Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan nilai-nilai ajaran Islam disebabkan masyarakat Melayu menganut ajaran tersebut telah sekian lama (Nik Radhiah dan Kamarul, 2015). Antara pengaruh Islam yang ketara dan didapati dalam peribahasa Melayu ialah penggunaan kalimah Allah dan kalimah al-Quran, mengingati kematian dan keimanan, gaya bahasanya yang meresap ke dalam jiwa dan sebagainya (Nik Radhiah dan Kamarul, 2015). Pengajaran dan pembelajaran melalui peribahasa yang merupakan salah satu mekanisme yang berlaku sekian lama dalam mesej menyampaikan nilai-nilai Islam kepada para pelajar. Berkait dengan ini, Rasmi Ramadhani et al. (2020) menyatakan guru perlu memahami konsep, teori dan hakikat pembelajaran itu sendiri sebelum ia dimanifestasikan di dalam kelas. Ini penting kerana maklumat awal ini mampu menjelaskan tentang implikasi yang tepat terhadap peningkatan kualiti pembelajaran.

Ketika kedatangan Islam ke Alam Melayu, nilai-nilai akhlak yang luhur cukup dititikberatkan dalam peradaban Melayu kerana pembentukan nilai yang baik mampu melahirkan insan yang mulia, unggul dan dihormati. Nilai-nilai mulia dalam peradaban Melayu ini dibentuk melalui pendidikan, latihan dan disiplin yang melalui tempoh masa yang panjang akhirnya membentuk nilai etos yang tersendiri (Noor Syafiqah dan Suhaila, 2018). Etos merupakan satu keupayaan seseorang membezakan perkara betul dan salah dengan didasarkan kepada pertimbangan pemikiran akal yang lojik yang selanjutnya melahirkan tingkah laku. Dalam erti kata lain, segala perkara yang menyentuh nilai dan moral ini menjadi petunjuk dalam pembentukan tingkah laku peradaban manusia (Azarudin et al., 2021). Namun, etos masyarakat Melayu merupakan tatasusila, budi pekerti, adab dan sopan santun selari dengan pegangan Islam sebagai anutan agama yang mengatur dan membentuk setiap tindakan masyarakat Melayu. Peradaban pula membincangkan secara khusus aspek-aspek yang menyentuh nilai, etos dan adab yang tinggi yang diaplikasikan dalam sesebuah masyarakat sehingga ia mampu membentuk identiti peradaban bangsanya yang tersendiri (Siti Kausar dan Mohd Noor, 2020). Pengalaman penghayatan etos dan peradaban masyarakat Melayu ini dimanifestasi dan diterjemahkan dalam bentuk peribahasa yang pelbagai rupa.

Nilai etika dan moral semakin tidak dititikberatkan sehingga memperlihatkan bahawa senario ini semakin terpinggir dalam kehidupan seharian, termasuk dalam kalangan pelajar Universiti. Justeru, kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (CTU 554) merupakan kursus wajib baru-

di universiti awam yang mula diperkenalkan pada sesi pengambilan 2019/2020 sebagai prasyarat untuk mereka sebelum menamatkan peringkat pengajian sarjana muda (Ruslan et al., 2020) termasuk di UiTM. Matlamatnya ialah agar penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada semua peringkat sama ada individu, keluarga, komuniti, negara sehingga ke peringkat antarabangsa (Mohd Sohaimi et al., 2021). Diharapkan P&P kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di universiti tempatan, penerapan nilai etika yang murni dan bertanggungjawap dalam mengelola tata cara kehidupan masyarakat kampus mampu tercapai (Irma Wani et al., 2021). Peribahasa Melayu merupakan salah satu antara informasi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang perlu difahami dan dihayati oleh pelajar pada masa kini kerana di dalamnya terkandung etos dan peradaban bangsa yang mampu menyubur dan membangunkan jati diri bangsa.

Penjelasan konseptual berkaitan pengetahuan, persepsi dan sikap adalah penting bagi mendasari pemahaman terhadap tajuk yang ingin dikaji. Pengetahuan merupakan hasil seseorang itu belajar atau berusaha yang membolehkannya mendapat sesuatu kepandaian atau maklumat (Kamus Dewan, 2015). Haizul dan Tajul (2021) membahagikan pengetahuan kepada dua peringkat iaitu secara eksplisit yang merujuk kepada pengetahuan yang jelas dan boleh dipertuturkan. Pengetahuan pada peringkat ini boleh didapati dalam pelbagai bentuk samada dalam bentuk dokumen, rangka tindakan dan prosedur operasi piawaian. Peringkat yang kedua pula bersifat tacit iaitu pengetahuan yang ada dalam pemikiran manusia dan agak sukar untuk dipertuturkan, bahkan dalam organisasi pengetahuan tahap ini terhasil daripada pandangan dan pemikiran individu secara kolektif.

Persepsi merupakan satu kesedaran yang diperolehi melalui pancaindera semulajadi atau ilmu yang didapati melalui satu pendapat atau pandangan. Ia juga merupakan satu cara menggambarkan sesuatu atau mendapatkan sesuatu yang lazimnya diperolehi daripada satu konsep yang berbentuk informasi dan maklumat (Mohamad Rofian et al. 2021).

Sikap pula merupakan perangai, tingkah laku dan akhlak berdasarkan niat yang dicetuskan oleh hati seseorang. Biarpun begitu sikap seseorang itu boleh berubah disebabkan perasaan, keadaan atau pun apa-apa sahaja yang tidak menyenangkan pemilik sikap itu. Sikap seseorang dalam menilai sesuatu itu boleh sahaja berbentuk positif atau negatif. (Haizul dan Tajul 2021).

Terdapat beberapa kajian lepas yang menyentuh tentang tahap pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar terhadap P&P peribahasa di dalam kelas. Pengetahuan tentang peribahasa merangkumi aspek karakter dan memahami maksud bidaan tersebut (Veronika et al, 2019), persepsi merupakan suatu proses yang bertitik tolak dari ransangan panca indera yang kemudiannya diinterpretasikan dalam memahami sesuatu (Saifuddin, 2018). Sikap pula terhasil daripada kecenderungan kepercayaan perasaan seseorang ketika bertindak melakukan sesuatu perkara (Nor Syafiqah dan Suhaila, 2018). Kajian kuantitatif yang dilakukan Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010) menyentuh tentang penghayatan peribahasa dalam kalangan remaja Melayu yang mendapati pelajar Melayu gagal menguasai kemahiran peribahasa dengan baik kerana berkait rapat dengan pengetahuan yang menggalakkan terhadap makna peribahasa. Bahkan kajian yang dilakukan Mary Fatimah dan Mohd Ridzuan (2019) ke atas pelajar guru pelatih mendapati kebanyakkan daripada mereka juga kurang memahami maksud implisit yang terkandung dalam sesuatu peribahasa. Hal ini dikaitkan dengan bakal guru-guru tersebut tidak dapat mengaitkan maklumat latar belakang dengan konteks yang menjadi input dalam proses penginterpretasian sesuatu peribahasa yang diberikan. Selanjutnya kajian yang dilakukan oleh Zanariah (2016) mendapati sebahagian besar pelajar gagal menggunakan

peribahasa mengikut konteks yang sesuai. Ini dikaitkan dengan tahap pengetahuan pelajar terhadap makna peribahasa berada dalam skala sederhana dan lemah. Keadaan ini sedikit sebanyak menyukarkan para pelajar memanifestasikan peribahasa dalam pembelajaran dan dalam berbahasa. Selanjutnya kajian, yang dilakukan oleh Mohd Ridzuan (2019) yang menjelaskan bahawa kebanyakan daripada pelajar dapat menguasai ungkapan-ungkapan peribahasa dan maknanya dengan baik dengan melakukan penambahbaikan terhadap strategi P&P tentang peribahasa dan dalam masa yang sama proses pembelajaran peribahasa menjadi lebih bermakna. Kajian Mariane et al. (2021) tentang persepsi pelajar terhadap peribahasa menjelaskan faktor psikologi, pengalaman peribadi pelajar, persekitaran fizikal dan andaian menjadi faktor utama oleh murid menanggapi maksud peribahasa. Kajian yang dilakukan oleh Shaline dan Alizah (2021), menjelaskan strategi P&P yang berkesan mampu mempengaruhi sikap, motivasi dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran peribahasa. Walaupun sorotan kajian lepas di atas menunjukkan banyak sekali kajian tentang peribahasa dalam kalangan pelajar namun penekanannya adalah secara umum dan tidak didapati kajian yang memberi fokus secara khusus tentang peribahasa yang bertema nilai-nilai Islam.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu borang soal selidik diedarkan kepada pelajar-pelajar ijazah sarjana muda yang mengikuti kursus CTU554 (Penghayatan Etika dan Peradaban II) di Universiti Teknologi MARA Terengganu. Bilangan populasi yang mengikuti kelas ini adalah seramai 383 orang yang terdiri daripada Program Sarjana Muda Perakaunan, Ijazah Sarjana Muda Perhotelan, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer. Berdasarkan jadual Krecie & Morgan (1970), sekiranya populasi berjumlah 380 orang, saiz sampel mencukupi dengan jumlah 191 orang sahaja. Justeru, berdasarkan jumlah populasi seramai 383 orang dengan jumlah sampel yang diperolehi seramai 210 orang, bermakna jumlah yang diperolehi melepas saiz sampel sebagaimana yang dicadangkan oleh Krecie & Morgan.

Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu merujuk kepada satu kelompok yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh pengkaji (Mokhtar, 2011). Borang soal selidik diedarkan kepada para pelajar setelah dilakukan semakan pakar dan ujian kebolehpercayaan dengan hasil *Cronbach's Alpha* menunjukkan bacaan 0.787. Menurut Pallant (2007), semakin hampir *reliability coefficient* kepada nilai 1.0, dengan demikian kebolehpercayaannya adalah lebih tinggi. Begitu juga dengan indek Rowntree yang meletakkan tahap *Cronbach's Alpha* = 0.71 - 0.90 merupakan tahap kebolehpercayaan yang kuat dan merupakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Ahmad Sunawari, 2009).

Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Responden, bahagian B: Ujian terhadap maksud peribahasa-peribahasa yang bermotifkan agama, bahagian C: Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Peribahasa, bahagian D: Persepsi Pelajar Terhadap Peribahasa dan bahagian E: Sikap Pelajar dalam menggunakan Peribahasa. Secara keseluruhan, data-data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS 26. Analisis peratus dilakukan terhadap soalan-soalan bagi bahagian A dan B. Bagi bahagian C, D dan E pula, analisis min dan s.p dilakukan ke atas soalan likert lima iaitu (1) sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Apabila skala ini dibahagikan kepada tiga tahap, angka berikut menjadi indikator kepada:

Jadual 1: Indikator Tahap Interpretasi

<b>SKOR</b>	<b>TAHAP INTERPRETASI</b>
1.00-2.49	Rendah
2.50-3.49	Sederhana
3.50-5.00	Tinggi

Sumber: Yasmoon dan Razaleigh (2019)

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### i. Latar Belakang Responden

Jumlah responden ialah seramai 210 orang dengan 25.2% (53 orang) adalah lelaki manakala 74.8 % (157 orang) adalah perempuan. Seramai 41.9% (88 pelajar) adalah yang mengambil kursus Sarjana Muda Perakaunan, 23.8% (50 orang) mengambil bidang Sarjana Muda Sains Komputer, 18.1% (38 orang) mengambil kursus sarjana Muda Perhotelan dan 16.2% (34 orang) Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan. Pelajar yang berasal dari Selangor merupakan kelompok yang terbesar iaitu sebanyak 22.9% (48 orang), masing-masing 18.1% (38 orang) dari Pahang dan Terengganu, Kelantan sebanyak 11.9% (25 orang), Wilayah Persekutuan sebanyak 9% (19 orang), Kedah 4.8% (10 orang), Perak sebanyak 4.3% (9 orang), Johor sebanyak 3.8% (8 orang), Melaka 2.9% (6 orang), masing-masing 1.4% (3 orang) di Sabah dan Perlis, Negeri Sembilan sebanyak 1% (2 orang) dan jumlah paling sedikit ialah dari Sarawak sebanyak 0.5 (1 orang) sahaja.

### ii. Ketepatan Memahami Maksud Peribahasa

Pelajar-pelajar diuji untuk memilih maksud-maksud sepuluh peribahasa berunsur agama yang diberikan. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar menjawab dengan betul maksud peribahasa ‘adat bersendi syara’, ‘syara’ bersendi kitabullah’ apabila peratus yang diperolehi adalah berjumlah 93.6%. Namun bagi peribahasa ‘berbilang dari esa, mengaji dari alif’, pelajar yang menjawab betul hanyalah 39.5% sahaja. Selanjutnya hasil dapatan menunjukkan pelajar yang menjawap betul bagi peribahasa ‘kalau bukan rezeki, di mulut lari keluar’ pula adalah sebanyak 81.1%. Manakala bagi peribahasa ‘habis akal baru tawakal’, peratus yang menjawap betul ialah sebanyak 88.5%. Walaubagaimanapun bagi peribahasa ‘makan masak mentah, peratus betul yang dijawab oleh pelajar hanya 52.3% sahaja. Selain itu, bagi peribahasa ‘sebelum ajal, berpantang mati’, pelajar yang menjawap tepat peribahasa ini adalah tinggi iaitu sebanyak 89.1%. Bagi peribahasa ‘sembahyang diberi berwaktu, janji diberi berketaika’, hanya 62.3% pelajar yang memberi jawapan yang tepat. Sebanyak 91.3% pelajar memberikan maksud yang tepat bagi peribahasa ‘kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya’. Peribahasa ‘bersatu teguh bercerai roboh’ pula, menunjukkan hanya 54.3% pelajar menepati jawapan yang diberikan. Biarpun begitu, bagi peribahasa ‘alang-alang menyeluk perkasam, biar sampai ke pangkal lengan’, peratus pelajar-pelajar yang memberi maksud yang betul adalah sebanyak 94.1%. Maklumat yang lebih lanjut adalah sebagaimana dalam jadual 2 di bawah:

### **Jadual 2: Peratusan Pelajar yang Memberi Jawapan Tepat**

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	PERATUS BETUL
1	Adat bersendi syara', syara' bersendi kitabullah	prinsip peraturan undang-undang atau pandangan Melayu tentang kedaulatan hukum	93.6%
2	"Berbilang dari esa, mengaji dari alif	menggalakkan masyarakatnya menimba ilmu sehingga ajalnya	39.5%
3	Kalau bukan rezeki, di mulut lari keluar	rezeki manusia ditentukan oleh nasib	81.1%
4	Habis akal baru tawakal	habis semua ikthiar hendaklah berserah diri kepada tuhan	88.5%
5	Makan masak mentah	orang yang tidak menghiraukan halal dan haram	52.3%
6	Sebelum ajal, berpantang mati	tidak mati seseorang melainkan tiba ajalnya	89.1%
7	Sembahyang diberi berwaktu, janji diberi berketika	setiap perbuatan mempunyai had waktu untuk menjadikannya sempurna	62.3%
8	Kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya	Menepati janji adalah salah satu daripada sifat kebaikan yang direhui Allah SWT	91.3%
9	Bersatu teguh bercerai roboh	Menyeru kepada muafakat	54.3%
10	Alang-alang menyeluk perkasam, biar sampai ke pangkal lengan	Seruan kepada kesempurnaan dan kesungguhan	94.1%

#### **iii. Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Peribahasa**

Selanjutnya para pelajar ditanya enam soalan yang menyentuh tahap pengetahuan mereka terhadap peribahasa. Hasil dapatan menunjukkan para pelajar mengakui bahawa mereka hanya mengetahui peribahasa-peribahasa yang lazim digunakan dalam masyarakat Melayu. Jumlah min 3.85 dengan s.p (0.72) menunjukkan darjah persetujuan mereka adalah tinggi. Para pelajar juga mengakui bahawa peribahasa Melayu banyak menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan agama mereka. Perolehan min dengan bacaan 4.27 dan sp (0.67) menunjukkan skala persetujuan yang diberikan adalah tinggi. Begitu juga dengan soalan yang berikutnya iaitu pengakuan pelajar tentang peribahasa yang mengandungi unsur agama diperolehi dari orang tua atau ibu bapa jumlah perolehan mata min 3.67 dengan sp (0.85) menunjukkan skala yang masih tinggi. Namun begitu, para pelajar mengakui bahawa mereka mengetahui peribahasa-peribahasa keagamaan ini melalui proses pembelajaran di sekolah. Perolehan mata min dengan bacaan 4.49 dengan sp (0.51) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Bagi soalan yang menyentuh peribahasa sebagai peradaban bangsa Melayu yang diwarisi sejak turun-temurun, bacaan min dengan 4.50 mata dengan sp (0.56) menunjukkan tahap pengetahuan para pelajar juga berada pada tahap yang tinggi. Malah para pelajar mengetahui bahawa peribahasa agama mampu membangunkan nilai jati diri mereka. Dapatkan min dengan bacaan 4.26 dan sp (0.66) menunjukkan ia juga berada pada tahap yang tinggi. Kesemua ini dijelaskan sebagaimana jadual 3 di bawah:

### **Jadual 3: Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Peribahasa**

BIL	TAHAP PENGETAHUAN	MIN	SP	TP
1	Saya hanya tahu peribahasa yang lazim digunakan dalam masyarakat Melayu	3.85	0.72	Tinggi
2	Saya tahu peribahasa Melayu banyak menyentuh perihal keagamaan Islam	4.27	0.67	Tinggi
3	Saya tahu peribahasa unsur agama daripada orang tua/ibu bapa	3.67	0.85	Tinggi
4	Saya tahu peribahasa unsur agama melalui pembelajaran di sekolah	4.49	0.51	Tinggi
5	Saya tahu peribahasa merupakan peradaban bangsa yang diwarisi dari generasi lepas	4.50	0.56	Tinggi
6	Saya tahu nilai-nilai agama yang ada dalam peribahasa yang mampu membangunkan jati diri	4.26	0.66	Tinggi

Secara keseluruhannya tahap pengetahuan pelajar terhadap pengetahuan peribahasa adalah tinggi. Ini boleh diperhatikan apabila kesemua jawapan yang diberikan melebihi min 3.50. Hanya segelintir sahaja pelajar yang mengakui mengetahui peribahasa tertentu yang digunakan dalam masyarakat Melayu. Selain memperolehi maklumat peribahasa dari orang tua atau ibu bapa, sebahagian kecil daripada pelajar memperolehinya dari saluran yang lain. Ternyata, maklumat awal tentang peribahasa bertema nilai Islam ini diperolehi di sekolah lebih tinggi dari pembelajaran yang tidak formal di rumah yakni melalui pergaulan harian. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Shaline dan Alizah (2021) yang menjelaskan guru merupakan faktor semula jadi yang penting dalam mempengaruhi keberkesanan terhadap pengetahuan pelajar terhadap peribahasa melalui teknik P&P yang pelbagai. Peribahasa Melayu ada menyatakan ‘lain galang, lain perahu yang disorong’, justeru pengetahuan tentang peribahasa bukan sahaja dari memahami maksud malah perlu mengetahui konteks penggunaannya. Peribahasa yang bertemakan nilai-nilai Islam perlu difahami sebagai satu khazanah bangsa Melayu yang mampu membangunkan jati diri melalui iktibar, pedoman dan juga contoh tauladan yang terkandung di dalam pengajarannya.

#### **iv. Persepsi Pelajar Terhadap Peribahasa**

Sebanyak enam soalan ditanya tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan peribahasa berunsur agama. Hasil kajian mendapat kefahaman pelajar terhadap peribahasa yang dipertuturkan oleh seseorang adalah tinggi. Ini dibuktikan apabila min yang diperolehi berjumlah 3.59 mata dengan sp (0.72). Seterusnya, para pelajar berpandangan penggunaan peribahasa agama ini masih relevan digunakan pada hari ini. Perolehan min 4.07 dengan sp (0.75) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Majoriti pelajar juga mengakui pengajaran dan pembelajaran (P&P) peribahasa di dalam kelas mampu melahirkan rasa kecintaan terhadap budaya dan agama. Ini dapat diperhatikan apabila mata min yang diperolehi 4.32 dengan sp (0.59). Justeru, mereka merasakan P&P peribahasa agama masih perlu dilakukan di dalam kelas. Perolehan min 4.23 dengan sp (0.64) menunjukkan darjah persetujuan mereka adalah tinggi. Para pelajar juga bersetuju menyatakan bahawa kemunculan bahasa rojak sedikit sebanyak menjadi cabaran kelestarian peribahasa Melayu. Jumlah mata min 4.42 dengan sp (0.64) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, majoriti pelajar berpandangan kemunculan media alternatif juga mempengaruhi kelestarian Melayu. Perolehan

min 4.14 dengan sp (0.70) menunjukkan darjah persetujuannya adalah tinggi. Perihal ini boleh diperhatikan pada jadual 3 di bawah:

**Jadual 4: Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Peribahasa**

BIL	PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PERIBAHASA	MIN	SP	TP
1	Saya memahami dengan baik peribahasa agama yang dipertuturkan oleh seseorang	3.59	0.72	Tinggi
2	Saya rasa peribahasa agama masih relevan digunakan dalam komunikasi hari ini	4.07	0.75	Tinggi
3	Saya rasa P&P peribahasa merupakan satu cara melahirkan rasa cinta terhadap budaya dan agama	4.32	0.59	Tinggi
4	Saya rasa pembelajaran tentang peribahasa agama masih relevan	4.23	0.64	Tinggi
5	Saya rasa kemunculan bahasa rojak menjadi cabaran kepada kelestarian peribahasa Melayu	4.42	0.66	Tinggi
6	Saya rasa media alternatif memberi cabaran kepada kelestarian peribahasa Melayu	4.14	0.70	Tinggi

Pengetahuan yang tinggi di kalangan pelajar terhadap peribahasa menentukan tahap persepsi yang positif kepada P&P peribahasa yang bertemakan nilai-nilai Islam. Apatah lagi, kajian-kajian lepas memperlihatkan peribahasa semakin dilupakan dan tidak lagi dititikberatkan oleh golongan muda. Justeru, pelajar merasakan bahawa peribahasa bertemakan nilai-nilai Islam ini merupakan elemen yang sangat penting bagi masyarakat Melayu untuk mengungkapkan minda dan peradaban; dan dalam masa yang sama sebagai manifestasi rasa cinta terhadap agama yang dianuti. Sememangnya, Islam menganjurkan penganutnya memberi nasihat atau peringatan dengan menggunakan gaya bahasa yang boleh diterima agar nasihat yang baik boleh menarik hati pendengar. Ini kerana bahasa yang diucapkan mencerminkan karakter keperibadian sesuatu bangsa dan agama tersebut. Al-Quran telah membawa ayat-ayat yang lebih khusus yang kepada komunikasi yang lebih berkesan dengan menggunakan kalimah yang lebih tepat (*Qaulan Balīghan* – lihat al-Nisā': 62-63), bahasa yang lemah lembut (*Qaulan Karīman*- lihat-Isrā': 23), bahasa yang lembut, melegakan dan baik (*Qaulan Maisūra* lihat al-Isrā': 28), mengandungi anjuran, ajakan dan pemberian contoh (*Qaulan Layyinān*- lihat Thāhā: 44) dan sebagainya (Azarudin dan Khadijah 2015). Berkait dengan ini Veronica et al. (2021) bahawa bagi mengungkap sesuatu idea itu dengan baik dan tepat, manusia perlu memperhatikan penggunaan bahasa yang lembut, sopan dan sistematik dalam peribahasa.

#### v. Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Peribahasa

Pelajar juga ditanya tentang sikap mereka dalam menggunakan peribahasa. Ternyata perolehan min 4.12 dengan sp (0.75) menjelaskan bahawa majoriti para pelajar jarang menggunakan peribahasa dalam komunikasi harian mereka. Sebahagian daripada pelajar tidak dapat menjelaskan maksud peribahasa walaupun biasa mendengarnya. Perolehan min dengan bacaan min 2.65 dan sp (0.96) menunjukkan darjah persetujuan mereka berada pada tahap sederhana. Bahkan juga, para pelajar juga melupai sebahagian peribahasa kerana jarang dipraktikkan dalam interaksi berada pada tahap sederhana apabila min yang diperolehi ialah 3.43 dengan sp (0.87) sahaja. Namun majoriti pelajar berasa seronok menggunakan peribahasa dalam berinteraksi. Ini dibuktikan apabila mata min yang diperolehi 3.68 dengan sp (0.74) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Soalan yang selanjutnya menyentuh sama ada mereka menggunakan peribahasa dalam interaksi sehari-hari. Hasil dapatan menunjukkan darjah

persetujuan yang diberikan oleh para pelajar berada pada tahap sederhana apabila min yang diperolehi 2.81 dengan sp (1.00) sahaja. Bagi soalan ‘saya kerap mencuba menggunakan peribahasa baharu dalam komunikasi’, hasil dapatan juga menunjukkan ia berada pada tahap sederhana apabila nilai min yang diperolehi hanya 3.13 dengan sp (0.93).

#### **Jadual 5: Sikap Pelajar dalam Menggunakan Peribahasa**

BIL	SIKAP PELAJAR DALAM MENGGUNAKAN PERIBAHASA	MIN	SP	TAHAP
1	Saya jarang menggunakan peribahasa agama dalam komunikasi harian	4.12	0.75	Tinggi
2	Saya tidak tahu cara untuk menjelaskan maksudnya walaupun biasa mendengar peribahasa agama tersebut	2.65	0.96	Sederhana
3	Saya sudah melupai banyak peribahasa agama kerana tidak dipraktikkan dalam kehidupan harian	3.43	0.87	Sederhana
4	Saya merasa seronok apabila menggunakan peribahasa agama dalam komunikasi	3.68	0.74	Tinggi
5	Saya tidak segan menggunakan peribahasa dalam komunikasi harian	2.81	1.00	Sederhana
6	Saya kerap mencuba menggunakan peribahasa agama baharu dalam komunikasi	3.13	0.93	Sederhana

Walaupun pengetahuan dan persepsi pelajar terhadap kepentingan peribahasa Melayu bertemakan nilai-nilai Islam berada pada tahap yang tinggi, namun hasil dapatan tentang sikap pelajar menggunakan peribahasa tidak menggalakkan. Ini disebabkan penggunaan peribahasa memerlukan kepada pemahaman kepada maksud yang tersirat dan sesuai dengan konteks ayat walaupun kadang kala bidalan tersebut merupakan kata-kata biasa yang diucapkan oleh orang ramai. Mengambilkira matlamat pembelajaran peribahasa bertujuan memperolehi kejayaan dalam akademik, penggunaan yang jarang-jarang dalam komunikasi harian sedikit sebanyak peribahasa mula dilupai dalam kalangan pelajar. Dalam kata lain, pelajar ‘menghafal’ sesuatu peribahasa untuk menduduki peperiksaan yang akhirnya mereka tidak memahami makna tersirat yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Berkait dengan ini, Siti Humairah dan Nora Azian (2020) yang menjelaskan sikap generasi muda kurang berminat menggunakan peribahasa kerana mereka tidak mampu memahami maksud tersurat dan tersirat dalam peribahasa tersebut. Suradi et al. (2021) menjelaskan bahawa topik peribahasa yang dilihat sukar untuk dikuasai menyebabkan minat pelajar untuk mendalami terhakis sedikit demi sedikit. Biarpun begitu penggunaan peribahasa yang mengandungi nilai-nilai keagamaan Islam ini tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas kerana masih terdapat dalam kalangan pelajar yang ingin melestarikan peribahasa ini dalam kehidupan mereka.

#### **Kesimpulan**

Pengalaman yang lalu memperlihatkan bahawa penggunaan peribahasa dalam komunikasi harian tidak dapat dipisahkan dari kehidupan masyarakat Melayu lama. Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah melahirkan satu seni komunikasi berbentuk peribahasa yang padat dengan teguran, kritikan, nasihat dan contoh tauladan yang berunsurkan nilai-nilai keagamaan. Penghayatan peribahasa dalam kalangan remaja pada hari ini memperlihatkan warisan bahasa tersebut hanya sekadar digunakan bertujuan memenuhi keperluan dan pencapaian akademik. Jadi, adalah tidak menghairankan pengetahuan pelajar universiti terhadap maksud peribahasa keagamaan yang lazim digunakan adalah tinggi kerana mereka telah didedahkan pembelajaran

sejak di bangku sekolah lagi. Pengetahuan pelajar yang tinggi terhadap peribahasa menjadikan persepsi mereka terhadap penggunaan peribahasa adalah positif. Walaupun kebanyakan pelajar universiti menghargai peribahasa sebagai satu peradaban bangsa yang cukup unggul, namun sikap pelajar universiti dalam menggunakan peribahasa dalam komunikasi harian adalah sederhana. Kajian ini penting kerana ia menjadi indikasi sebenar sejauhmana tahap pelajar-pelajar di Universiti menghayati peribahasa dalam kehidupan harian mereka.

### **Rujukan**

- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Azarudin Bin Awang & Khadijah Mohd Khambari. (2015). Pengaruh Media Dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru. *Jurnal Komunikasi* 31(2), 47-60.
- Azarudin Bin Awang, Che Zuina Binti Ismail & Rubiah Abu Bakar. (2021). Citra Dan Cabaran Peribahasa Melayu Dalam Melestarikan Etos Dan Peradaban Bangsa. *Akademika Borneo* 5(20), 110-121.
- Haizul Azzuan Nordin & Tajul Arifin Mohamad. (2021). Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Sikap Keselamatan Terhadap Amalan Keselamatan Jurulatih Utama Pusat Kokurikulum. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)* 3(2), 27-36.
- Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Muhammad Safuan Yusoff & Anna Lynn Abu Bakar. (2021). Career Verdure and Wellness Signification Among Academic Expatriate Members of Malaysian Private University. *Linguistica Antverpiensia*, (1), 420- 437.
- Kamus Dewan. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Marriane, T. N. H., Nur Farakhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Analisis Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Murid Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Linguistik* 25 (1), 1-20.
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 16(2), 227-253.
- Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2019). Semantik Inkuisitif dan Penggabungjalinannya dengan Pendidikan Melalui Kaedah Pengajaran Peribahasa Melayu. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Fahed Maromar & Saapi Man. (2021). Hubungan Antara Faktor Dalaman Dan Faktor Luaran Dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *e-JURNAL BAHASA DAN LINGUISTIK* 2(1), 1-11.
- Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Siti Aidah Lukin @ Lokin, Saifulazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2021). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban (PEDP): Kajian Kes Di Kalangan Pelajar Prasiswazah Di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication* 6(23), 57-67.
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Radhiah Nik Ali & Kamarul Shukri Mat The. (2015). Pengaruh Islam Ke Atas Peribahasa Arab Dan Peribahasa Melayu. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(2), 20-27.
- Noor Syafiqah Ahamadi Palah & Suhaila Zailani @ Ahmad. (2018). Gambaran Sikap Positif Masyarakat Melayu dan Arab Melalui Peribahasa. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2), 65-76.

- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik, 10* (Edisi Khas), 158-172
- Pallant, J. (2007). SPSS survival manual: *A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Edisi ke 3. Sydney Australia: Allen & Unwin.
- Rasmi Ramadhani, Masrul, Dicky Nofrianshah, Mustafa Abi Hamid, I Ketut Sudarsana, Sahri Janner Simarmata, Meilani Salfitri & Suhelayanti. (2020). Belajar dan Pembelajaran, Konsep dan Pengembangan. Yayasan Kita Menulis.
- Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2020). Kefahaman Nilai Etika dan Moral Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 21*(2020) 126-141
- Saifuddin, M. F. (2018). E-learning dalam Persepsi Mahasiswa. *Jurnal Varidika, 29*(2), 102-109.
- Shaline Sanmugam & Alizah Lambri. (2021). Keberkesanan Strategi Pembelajaran Peribahasa Bahasa Melayu Menggunakan Bahan Multimodal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 11* (2), 80-87.
- Siti Humairah Abdul Rahaman & Nora Azian Nahar. (2020). Kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh. *International Young Scholars Journal of Languages*, 1-8.
- Siti Kausar Zakaria & Mohd Noor Daud. (2020). Pandangan Sarwa Etika dan Nilai Peradaban Melayu Berdasarkan Pantangan Anak Melayu dan Teras Hati Budi Melayu. *International Journal of Social Science Research 2* (3), 100-111.
- Suradi Hassan, Marzni Mohamed Mokhtar, Shamsudin Othman & Azhar Md Sabil. (2021). Penerokaan Potensi Modul Permainan Peribahasa ADDIE terhadap Penguasaan Penulisan Rumusan dalam Talian Google Meet dan e-mel. *Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan Teknikal 2*(1), 86-98.
- Veronika, T., Thamrin, L., Lusi, L., & Suhardi, S. (2021). Analisis Kemampuan Pemahaman Peribahasa Mandarin Empat Karakter Han pada Mahasiswa FKIP UNTAN. *Jurnal Pendidikan Bahasa, 10*(1), 40-49.
- Zanariah Abdol. (2016). Peribahasa WATAFA. Edisi Keempat. Selangor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.